



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

ARKIB NEGARA MALAYSIA SAMBUT BAIK USAHA MEMPERKASAKAN SEJARAH NEGARA

SHAH ALAM, 20 September 2024 – Arkib Negara Malaysia (ANM) melalui Kementerian Perpaduan Negara menghargai keprihatinan dan sokongan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri terhadap usaha ANM bagi memperkasakan sejarah negara menerusi ucapannya di Majlis Perasmian Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024 pada 19 September 2024 bertempat di DoubleTree by Hilton i-City Shah Alam.

YBhg. Dato' Jaafar Sidek Bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia menyambut baik hasrat YAB Timbalan Perdana Menteri atas kesudian untuk mempertimbangkan peruntukan bagi memperoleh koleksi bahan sejarah mengenai Malaysia yang berada di luar negara untuk melengkapkan jurang koleksi simpanan bahan arkib bagi tujuan peningkatan pemahaman terhadap sejarah negara.

Perolehan bahan yang berterusan dapat dijadikan bahan bukti bagi perkara yang melibatkan persempadanan, kedaulatan negara dan pengesahan fakta sejarah yang memerlukan penyelesaian.

Bahan arkib yang komprehensif mampu meningkatkan jati diri serta melahirkan masyarakat yang cintakan negara dan bangga terhadap kekayaan warisannya. Justeru, ANM komited untuk menjadi sebagai pusat rujukan dan penyelidikan yang lengkap dan komprehensif bagi pembinaan identiti bangsa dan negara.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
20 September 2024